

Cuepacs mahu isu PTK

segera selesai

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mahu isu Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) diselesaikan tahun ini supaya tidak lagi menjadi kemelut di kalangan 1.2 juta kakitangan awam sehingga menjejaskan prestasi kerja mereka.

Presidennya, Omar Osman, berkata sehubungan itu Jawatankuasa Semakan Gubalan PTK Cuepacs akan menyiapkan cadangan penambahbaikan terhadap pengubahsuaian peperiksaan itu oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), yang ditolak kongres berkenaan, sebelum akhir bulan ini.

“Pegawai tertinggi Cuepacs akan mengadakan perbincangan pada 6 Februari ini bagi menetapkan tarikh mesyuarat khas Majlis Tertinggi untuk pembentangan cadangan penambahbaikan PTK itu dan juga tarikh penyerahan memorandum kepada JPA,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

JPA mengeluarkan Surat Pekeliling Bilangan 19 2008 Pengubahsuaian PTK dengan memuatkan Panduan Pelaksanaan PTK Yang Diubah Suai, yang dikuatkuasakan 1 Januari lalu, tetapi Cuepacs menolak 40 peratus pindaan terbaru berkenaan.